

KDN Berhasrat Laksana Strategi Kepolisan Kelas Dunia - Hishammuddin Bernama
13 Februari , 2012

PETALING JAYA, 13 Feb (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) berhasrat melaksanakan strategi Kepolisan Kelas Dunia (WCP) pada tahun ini sebagai sebahagian daripada Program Transformasi Kerajaan (GTP) ke arah menyediakan orang ramai dengan perkhidmatan kepolisan yang lebih baik.

Menteri berkenaan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata WCP, satu tanda aras, yang akan memantau input dan hasil PDRM berbanding dengan pasukan polis di negara-negara seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Jepun dan Hong Kong.

Beliau berkata WCP akan berfungsi sebagai garis panduan untuk pegawai kanan polis dan pembuat dasar berkaitan perkara yang perlu diperbaiki dan bidang utama yang diberi keutamaan.

"Kita akan terima amalan terbaik dan buang pendekatan lapuk untuk kepolisan," katanya dalam ucap-tama pada Persidangan Antarabangsa mengenai Prinsip Kepolisan: Kedaulatan Undang-undang, Ketenteraman Awam dan Pembangunan Lestari di sini pada Isnin.

Hishammuddin berkata pada tahun lepas, polis mencatatkan penurunan 11.1 peratus dalam keseluruhan kadar jenayah dan pengurangan 39.7 peratus dalam jenayah jalanan.

"Malahan, tahun lepas menyaksikan indeks kepuasan awam berkaitan perkhidmatan barisan hadapan polis meningkat kepada 70.5 peratus, melebihi sasaran 60 peratus yang ditetapkan," kata Hishammuddin.

Beliau berkata pendekatan lain yang telah dilaksanakan untuk mengurangkan kadar jenayah termasuk memberikan perhatian di 50 kawasan panas di beberapa negeri dan meningkatkan kerjasama dengan badan-badan seperti RELA, Jabatan Pertahanan Awam dan majlis-majlis tempatan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645359>